

0755
U B586 DEB

PM - PEMBANGUNAN 1985

PASIR MAS, 28 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN YANG ADA SEKARANG AKAN MENERUSKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN BAGI MENINGKATKAN TARAF SOSIO-EKONOMI RAKYAT DAN MEWUJUDKAN KESTABILAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEJAK KERAJAAN PERIKATAN DAHULU SEHINGGALAH KERAJAAN BARISAN NASIONAL SEKARANG, KERAJAAN SENTIASA MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA RANCANGAN PEMBANGUNAN UNTUK MEMBAIKI TARAF HIDUP RAKYAT TERUTAMA DI LUAR BANDAR.

BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN MENUMPUKAN KEPADA PENANAMAN PADI DENGAN CARA YANG LEBIH TERSUSUN DAN PENJAGAAN YANG TERATUR DI SAMPING MENYUSUN SEMULA KAMPUNG-KAMPUNG TRADISIONAL.

KEDUDUKAN SOSIO-EKONOMI YANG KUKUH AKAN MEMBOLEHKAN RAKYAT NEGARA INI DIHORMATI OLEH SEMUA PIHAK SAMA ADA DI DALAM ATAU LUAR NEGERI, KATANYA KETIKA BERUCAP KEPADA LEBIH 5,000 ORANG PENDUDUK KAMPUNG GUTONG, BUNUT SUSU DEKAT SINI SELEPAS MELAWAT PROJEK LADANG PERINTIS KADA II DI SITU.

YANG TURUT HADIR DI PERHIMPUNAN ITU IALAH ISTERI BELIAU DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH ALI, MENTERI BESAR, DATUK HAJI MOHAMED YAKOB, MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DAN TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DR. GOH CHENG TEIK.

-- LAGI

2056MST 28 03 85

D934

U B587 DEB

PM - PEMBANGUNAN 2 PASIR MAS

PERDANA MENTERI BERKATA PELAKSANAAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN OLEH KERAJAAN PADA MASA-MASA LALU TELAH MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT SEHINGGA MENDAPAT PENDAPATAN YANG BERLIPAT GANDA.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, BILANGAN ORANG ISLAM YANG MENUNAIKAN FARDU HAJI SETIAP TAHUN SEJAK KEBELAKANGAN INI TELAH MENINGKAT KEPADA LEBIH 20,000 ORANG BERBANDING DENGAN HANYA 10,000 ORANG PADA TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA.

MENGENAI PROJEK LADANG PERINTIS ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN IA AKAN MEMBAWA KEBAHAGIAAN KEPADA PETANI-PETANI YANG MENYERTAINYA.

KATANYA, PROJEK YANG DIKENDALIKAN OLEH LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) ITU ADALAH UNTUK MENYUSUN SEMULA SAWAH-SAWAH YANG SEBELUM INI TERBIAR MELALUI PENGGUNAAN TEKNIK MODEN TERMASUK PENGAIRAN YANG TERATUR.

+ PENINGKATAN HASIL PENGELUARAN PADI JUGA BOLEH MENINGGIKAN PENDAPATAN PETANI DAN MEWUJUDKAN KEBAHAGIAAN DAN KESEMPURNAAN HIDUP +, KATANYA. -- LAGI

2058MST 28 03 85

D938

U B590 DEB

PM - PEMBANGUNAN 3 PASIR MAS

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENDENGAR TAKLIMAT PENGURUS BESAR KADA, DR. NIK HASSANI MOHAMAD MENGENAI PROJEK YANG DISERTAI